



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN SISTEM SEMAKAN PESALAH JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK DALAM DAFTAR KANAK-KANAK

**PUTRAJAYA, 26 Mac** – Kerajaan memandang serius terhadap isu penganiayaan kanak-kanak yang berlaku dewasa ini. Melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), langkah proaktif bagi menambahbaik polisi berkaitan perlindungan kanak-kanak sama-sama digalas oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Seksyen 118 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] memperuntukkan bahawa Daftar Kanak-Kanak hendaklah diselenggara untuk menyimpan maklumat kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan pengabaian; serta maklumat pelaku yang melakukan kesalahan terhadap kanak-kanak. Tujuan Daftar Kanak-Kanak (DKK) adalah untuk mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak dan mengekang atau mencegah jenayah terhadap kanak-kanak daripada terus berlaku dan berulang.

Justeru itu, bagi meningkatkan lagi keberkesanan inisiatif pencegahan penderaan dan pengabaian kanak-kanak, Kerajaan telah membangunkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-kanak bagi membolehkan mana-mana individu atau organisasi yang menguruskan kanak-kanak membuat semakan terhadap pekerja mereka atau bakal pekerja bagi memastikan individu yang diambil bekerja bebas daripada rekod jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Pelancaran Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail

pada hari ini adalah untuk memastikan keberkesanan capaian atau akses kepada Daftar Kanak-Kanak secara meluas serta menepati sasarannya; iaitu ibu bapa/ penjaga serta mereka yang berurusan dengan kanak-kanak. Sistem Daftar Kanak-kanak ini dibangunkan dengan penggunaan kepakaran teknologi maklumat secara *in house*.

Ibu bapa dan majikan disarankan untuk memanfaatkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dalam Daftar Kanak-kanak sebagai langkah perlindungan tambahan kepada kanak-kanak. Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) dengan mengemukakan nombor kad pengenalan individu berkenaan untuk tujuan semakan.

Maklumat carian adalah rahsia dan hanya digunakan untuk tujuan keselamatan kanak-kanak. Namun begitu, ibu bapa harus sentiasa mengambil langkah-langkah bagi melindungi anak-anak mereka. Perlindungan tambahan dan kesedaran ibu bapa adalah penting memandangkan pemangsa seksual yang tidak pernah disabitkan kesalahan di mahkamah masih berpotensi membahayakan kanak-kanak. Ini kerana sistem ini hanya melindungi kanak-kanak daripada risiko pesalah seksual terhadap kanak-kanak yang berulang sahaja.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ingin mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Ketua Hakim Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan atas komitmen dan sokongan yang diberikan. KPWKM mengharapkan agar kerjasama ini akan berterusan dalam membantu menambahbaik Daftar Kanak-Kanak ini demi masa depan kanak-kanak di Malaysia.

###

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, No 55 Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
Tel: 03-8323 1773